

UMS terbuka terima pandangan, cadangan

Pemimpin pelajar harus sentiasa bersifat profesional, matang dan konstruktif, kata Kasim

UB 07.02.2024 P.06

KOTA KINABALU: Pihak pengurusan Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa terbuka dengan pandangan atau cadangan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) mahupun Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa Kolej Kediaman (JAKMAS) UMS khususnya dalam hal berkaitan pelajar.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor berkata, ini kerana MPP dan JAKMAS merupakan entiti penting yang menggerakkan agenda kebajikan pelajar di dalam universiti.

Katanya, MPP dan JAKMAS merupakan wadah untuk pelajar memperkasa kepimpinan melalui interaksi bersama pelbagai pihak serta penganjuran program kemahasiswaan.

Ia sekali gus menjadi peluang untuk siswa-siswi yang lain terlibat secara aktif dan menyumbang kepada universiti meskipun tidak berada dalam kerusi kepimpinan.

“Oleh itu, apabila kepimpi-



IKRAR: Sesi lafaz ikrar dan aku janji daripada kepimpinan pelajar yang diketuai Presiden MPP, Roslan Abdullah

nan pelajar mula melangkah ke arena ini, ia tidak semata-mata berkisarkan tentang keistimewaan, akan tetapi terkait kepada amanah dan tanggungjawab,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Majlis Watikah Pelantikan MPP dan JAKMAS Sesi 2023/2024 di Galeri Majlis, UMS baru-baru ini.

Kasim turut mengingatkan pemimpin pelajar agar memastikan setiap lontaran idea disalurkan dengan penuh

hikmah.

“Pemimpin pelajar harus sentiasa bersifat profesional, matang dan konstruktif dalam menahirkan pandangan terhadap sesuatu isu, dengan harapan ia memberi manfaat kepada pelajar secara keseluruhannya.

“Setiap perkara yang diketengahkan mestilah membawa gagasan idea yang bernas dan realistik melalui pengamatan serta analisis yang bersifat dinamik,” katanya.

Menurutnya, perkara pal-

ing utama adalah setiap tindakan yang dilakukan haruslah menahirkan intelektual sesuai dengan gelaran sebagai mahasiswa mahupun pemimpin pelajar.

Beliau berkata semua pihak harus bersama-sama menjaga nama baik serta imej universiti agar keharmonian dan kesejahteraan kampus sentiasa terjaga, sekali gus memberikan persekitaran kondusif untuk pembelajaran.

Pada majlis itu, Kasim



SYABAS: Kasim menyampaikan watikah pelantikan kepada ahli jawatankuasa MPP dan JAKMAS Kolej-kolej Kediaman UMS.

menyaksikan lafaz ikrar dan aku janji dari kepimpinan pelajar yang diketuai Presiden MPP, Roslan Abdullah, serta menyampaikan watikah pelantikan kepada ahli jawa-

tankuasa MPP dan JAKMAS Kolej-kolej Kediaman UMS.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Raman Noordin; Ben-

dahari UMS, Badrul Hisham Ismail; Penasihat Undang-Undang UMS, Awang Suhaizam Bongsu; dan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Mohd Raffie Janau.